

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 DECEMBER 2016

# Pelbagai bantuan kerajaan rangsang ekonomi tempatan

UM - 18/12/2016

➔ Peruntukan berterusan kepada rakyat kurangkan beban, tingkat taraf kehidupan

Oleh Abdul Razak Raaff,  
Nik Sukry Ramli  
dan Amin Ridzuan Ishak  
bhnews@bh.com.my

✦ Pekan

**D**atuk Seri Najib Razak berkata pelbagai bantuan yang diperuntukkan kerajaan secara berterusan kepada rakyat bertujuan merangsang ekonomi tempatan.

Perdana Menteri menafikan dakwaan bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), elaun sara hidup nelayan kepada rakyat terutama golongan berpendapatan rendah bertujuan mereka terus bergantung



BR1M bukan hanya tertumpu kepada kebajikan, tetapi juga harus dilihat dari sudut ekonomi dan sudah pasti penjaja akan berasa parah jika bantuan itu tiada”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

kepada kerajaan.

Beliau memberi contoh BR1M yang mula diperkenalkan pada 2012 dapat merangsang ekonomi penduduk setempat apabila wang itu dibelanjakan di kedai, pasar tani atau pasar malam untuk membeli keperluan asas setiap hari.

### Bantuan tanpa kira kaum

Malah, katanya, bantuan seperti BR1M adalah untuk kebajikan rakyat tanpa mengira kaum bagi mengurangkan beban dan pada masa sama menggalakkan mereka berdikari serta bekerja keras meningkatkan taraf ekonomi masing-masing.

“Ia (BR1M) bukan hanya tertumpu kepada kebajikan, tetapi juga harus dilihat dari sudut ekonomi dan sudah pasti penjaja akan berasa parah jika bantuan itu tiada.

“Contohnya, bagi Parlimen Pekan, RM31.5 juta diperuntukkan untuk bayaran BR1M kepada 43,729 penerima, tahun ini. Ia memberi suntikan kepada ekonomi setempat. Siapa yang mendapat RM31.5 juta itu? Tentu yang dapat peniaga, penjaja dan mereka yang menjual keperluan bahan asas

dan barangan sekolah,” katanya.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata demikian ketika berucap pada majlis ramah mesra bersama lebih 1,000 penduduk tempatan anjuran Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kampung Nenasi Pantai di sini, semalam.

### Hasil GST disalur kepada rakyat

Sementara itu, Najib ketika berucap pada majlis penyerahan kunci rumah dan kios perniagaan di bawah Program Pembasmian Miskin Bandar (PPKB) Pekan di Kampung Pulau Jawa dekat sini, berkata semua dasar kerajaan bertujuan membantu dan menjaga kebajikan rakyat supaya dapat menikmati kehidupan lebih baik.

Perdana Menteri berkata, ia termasuk pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang meningkatkan hasil negara sebelum disalurkan semula kepada rakyat menerusi pelbagai program, antaranya Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Rumah Mesra Rakyat, BR1M, bantuan persekolahan dan nelayan.